



Headline: Berhati-hati jika terima tawaran menang
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 2 January 2021

Language: Malay
Section: 1Klassifieds
Page: 40

BERHATI-HATI JIKA TERIMA TAWARAN MENANG

Dalam dunia ini secara realiti tidak ada siapa-siapa pun dengan begitu mudah memberi wang tunai dengan mudah dan percuma. Perbuatan menawarkan wang dengan percuma sehingga beribu-ribu ringgit sememangnya tidak logik.

Adalah sesuatu yang mengarut tanpa memasuki mana-mana peraduan tidak-tiba kita dipilih sebagai pemenang dan ada pihak yang mahu memberi wang tunai. Bagi mereka yang boleh berfikir tentulah tawaran ganjaran wang tunai tanpa berbuat apa-apa adalah satu

bentuk penipuan yang nyata.

Namun seringkali kita mendengar rakyat Malaysia terjebak dan terperangkap dengan penipuan yang cukup licik ini. Mereka percaya bahawa mereka golongan yang sangat bernasib baik dan terpilih untuk menang ganjaran wang tunai tanpa perlu berbuat apa-apa. Mereka yang mudah terpedaya ini merasakan diri mereka cukup bertuah.

Dengan perasaan bertuah dan terpilih mereka yang mudah tertipu ini berperasaan bahawa tidak mengapa untuk mereka mengeluarkan sejumlah wang yang difikirkan sangat kecil berbanding jumlah wang yang ditawarkan kepada mereka yang berlipat kali ganda.

Kerana naluri mahu hidup kaya dan mewah tanpa perlu bekerja dan berusaha dengan lebih kuat maka kumpulan yang mudah terpedaya ini tanpa berfikir panjang sanggup mengeluarkan sejumlah wang yang diminta oleh kumpulan sindiket yang tidak langsung mengugut mereka untuk meminta wang berkenaan.

Sebenarnya terdapat kes di mana individu yang sama tanpa serik-serik ditipu berkali-kali. Bila disoal kenapa mereka mudah terpedaya dengan helah sindiket berkenaan, menjawab bahawa mereka berasa rugi jika wang yang ditawarkan itu benar-benar akan diperolehi.

Dalam pada itu ada juga pengadu yang menceritakan bahawa mereka memperoleh hadiah wang tunai yang ditawarkan oleh pihak sindiket namun nilai hadiah yang diberi adalah sangat kecil berbanding modal yang mereka keluarkan untuk memperoleh hadiah berkenaan.

Dengan rasa pelik tidakkah mereka yang mudah tertipu ini boleh berfikir bahawa sesuatu hadiah yang ingin diberikan sebenarnya tidak perlu membayar apa-apa untuk memperolehinya. Hadiah sepatutnya pemberian percuma.

Data menunjukkan bahawa kumpulan lelaki dan wanita sama-sama terjebak dalam penipuan hadiah wang tunai yang kononnya diadakan oleh syarikat-syarikat besar dan ternama. Sedangkan syarikat-syarikat berkenaan tidak pernah menganjurkan peraduan

atau menawarkan hadiah wang tunai berkenaan.

Ada juga golongan tertipu yang mahu hidup mewah ini juga mudah terpengaruh dengan emel-emel yang datangnya dari luar negara. Pengirim-pengirim emel ini mendakwa mereka jutawan dan kaya. Justeru mereka mahu mengagihkan kekayaan mereka kepada mereka yang layak dan menjadi waris serta menjaga kekayaan mereka di luar negara.

Kumpulan yang mudah terpedaya ini merasakan pengirim emel yang mereka langsung tidak kenali ikhlas mahu menjadikan mereka pewaris harta. Dengan kepercayaan yang ada dan juga dek kerana tamak tanpa ragu-ragu mereka menyerahkan maklumat akaun bank kepada si pengirim emel.

Sebaik sahaja mendedahkan maklumat sulit perbankan mereka sebenarnya sudah masuk ke dalam perangkap sindiket ini. Bukan wang yang mereka mahu warisi tidak menjadi kenyataan sebaliknya wang yang ada dalam akaun bank mereka turut lesap.

Pihak yang tertipu ini kebiasaannya tidak memberitahu kepada sesiapa mengenai emel dan urusan mereka dengan pihak sindiket. Konon-kononnya mereka mahu membuat kejutan apabila sudah mendapat wang yang dijanjikan dan menjadi kaya. Tetapi akhirnya mereka sendiri menerima kejutan apabila mereka sedar bahawa mereka tertipu.

Kisah rakyat Malaysia ditipu oleh warga asing di alam maya bukanlah berita baru. Ia berlaku sejak sekian lama dan

seringkali dilaporkan oleh media massa. Malangnya statistik kes penipuan ini tidak menunjukkan pengurangan sebaliknya semakin meningkat.

Dianggarkan sejumlah RM1.78 kerugian dicatatkan akibat jenayah komersial yang membabitkan penipuan siber yang menawarkan wang tunai kepada pengguna. Jenayah siber ini kebanyakan didalangi oleh warga asing dan mereka beroperasi daripada luar negara.

Jenayah merentas sempadan ini bukan sahaja sukar untuk diambil tindakan tetapi juga sukar untuk dikesan. Ini menyebabkan mereka yang ditipu bukan sahaja kerugian wang ringgit tetapi juga mereka berputih mata untuk melihat kumpulan sindiket ini dihukum oleh undang-undang.

